



18 JUL, 2024

Tumpas seludup rokok RM8.05 juta!

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



MOHD Nasir (tengah) bersama pegawai menunjukkan rokok seludup pelbagai jenama yang dirampas.

KASTAM RAMPAS ROKOK PELBAGAI JENAMA DALAM STOR

Tumpas seludup rokok **RM8.05 juta!**

Oleh Juwan Riduan
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah berjaya mematahkan satu cubaan menyeludup rokok terbesar bernilai RM8.05 juta, Sabtu lalu.

Dalam operasi pada jam 4.55 petang itu, rokok itu disembunyikan di sebuah stor tidak bernombor di Lorong Sedco 9, Batu 3, Sandakan.

Penolong Ketua Pengarah JKDM Zon Sabah Datuk Mohd Nasir Deraman berkata, serbuan terhadap

stor berkenaan dijalankan hasil maklumat cawangan risikan dan bahagian penguatkuasaan JKDM.

Menurutnya, hasil serbuan itu pihaknya merampas sebanyak 5.26 juta batang rokok pelbagai jenama yang dianggarkan bernilai RM526,228 tidak termasuk cukai.

"Pasukan operasi berjaya merampas tiga kenderaan, Proton Persona, Toyota Hilux dan Toyota Hiace yang dipercayai digunakan untuk penyelu-

dupan.

"Selain itu, kita turut menahan tiga lelaki warga tempatan berusia lingkungan 33 hingga 47 tahun

untuk siasatan lanjut," katanya dalam sidang media di Menara Kastam, di Jalan Sulaman, semalam.

Mohd Nasir berkata, pihaknya percaya semua rokok berkenaan diseludup masuk dengan niat mengelak cukai dan mendapatkan kelebihan perniagaan di pasaran tempatan.

"Kita turut menahan tiga lelaki warga tempatan Mohd Nasir"

"Siasatan lanjut masih dijalankan mengikut 135 (1) (d) Akta Kastam 1967 atas kesalahan mengangkut barang tidak berkastam bagi tujuan mengelak cukai.

"Jika sabit kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda tidak kurang daripada 10 kali ganda nilai barang atau RM100,000 dan tidak lebih dari 20 kali ganda nilai barang atau RM500,000 mengikut mana yang lebih besar.

"Pesalah juga boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya," katanya.



18 JUL, 2024

Tumpas seludup rokok RM8.05 juta!

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

KASTAM RAMPAS ROKOK PELBAGAI JENAMA DALAM STOR

Kota Kinabalu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah berjaya mematahkan satu cubaan menyeludup rokok terbesar bernilai RM8.05 juta, Sabtu lalu. Dalam operasi pada jam 4.55 petang itu, rokok itu disembunyikan di sebuah stor tidak bernombor di Lorong Sedco 9, Batu 3, Sandakan. Penolong Ketua Pengarah JKDM Zon Sabah Datuk Mohd Nasir Deraman berkata, serbuan terhadap

stor berkenaan dijalankan hasil maklumat cawangan risikan dan bahagian penguatkuasaan JKDM.